

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB.TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan setiap kawasan warisan yang telah diwartakan dan peruntukan kewangan yang diberikan kepada kawasan warisan tersebut dan berapakah kawasan warisan yang dibuka kepada umum untuk lawatan.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah mewartakan lebih 200 tapak warisan di Malaysia antaranya Bangunan Stadium Merdeka (2011), Tugu Negara (2012), Kota Ngah Ibrahim, Matang (2009), Bangunan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (1982), Bangunan Stadhuys (1977) dan Masjid Ihsaniah Iskandariah (2012). Semua tapak warisan tersebut dibuka untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Manakala bagi pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan, peruntukan kewangan yang disalurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kepada Jabatan Warisan Negara adalah tertakluk kepada peruntukan semasa dan mengikut keutamaan tapak warisan.

Sekian, terima kasih.